

▼03/09/15-56MS\*

R GB 03-09 00222 BA059

bah

Thatcher - Mahathir (Dengan Gambar)

THATCHER BERI PENGHORMATAN TINGGI KEPADA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Sept. Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Britain Margaret Thatcher hari ini memberikan penghormatan yang gemilang kepada Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad dengan menganggap beliau sebagai pemimpin negara yang benar-benar istimewa dan telah membawa Malaysia ke depan dalam hal ehwal serantau dan sedunia.

"Tidak banyak pemimpin yang layak mendapat gelaran negarawan. Tetapi dalam hal Perdana Menteri Dr Mahathir, tidak ragu-ragu lagi penganugerahan itu sepatutnya diperolehi daripada kejayaan-kejayaannya," katanya semasa berucap kepada lebih 500 eksekutif badan korporat di Hotel Istana di sini. Ucapannya bertemakan "Ke Arah Kepimpinan Asia" anjuran Citibank.

Thatcher, yang dalam lawatan tiga hari ke Malaysia berkata tiada tempat lain yang lebih mencabar untuk beliau memberikan ucapan selain Malaysia kerana Dr Mahathir sendiri "adalah seorang daripada pemidato yang hebat dan tajam hujahnya di dunia."

Katanya bagaimana sukar sekalipun sesuatu isu itu, Dr Mahathir tidak pernah berundur dalam menawarkan kepimpinannya dan kepimpinan itu melibatkan keputusan-keputusan bersendirian tetapi Dr Mahathir tidak pernah mengelak daripadanya.

"Hasilnya ialah Malaysia berupaya memberikan rakyatnya taraf hidup yang lebih tinggi dan dalam masa yang sama memainkan peranan sebagai jurucakap Asia "tenggara," katanya dalam ucapan selama 30 minit yang diikuti dengan sesi soal jawab selama 30 minit lagi. -- Lagi.

▼03/09/14-58MS\*

R GB 03-09 00187 BA061

aab

Thatcher - Mahathir 2 Kuala Lumpur

"Sejarah menunjukkan bahawa tidak semestinya sebuah negara terbesar yang boleh menggunakan pengaruh paling kuat, sebaliknya negara yang boleh berbuat demikian ialah yang mempunyai kepimpinan paling kuat dan wawasan yang paling jelas -- dan kualiti ini, yang ada dalam Perdana Menteri, telah membawa Malaysia dalam masa yang singkat kepada kedudukannya sekarang," katanya.

Thatcher berkata Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang menakjubkan yang tidak dihasilkan melalui keajaiban tetapi oleh kecekalan, usaha kuat dan dasar yang betul ke arah pertumbuhan.

"Anda juga telah mengeluarkan kereta Proton yang laris di Britain. Malahan saya diberitahu bahawa semasa Dr Mahathir melawat Britain, beliau menghabiskan masa dengan mengira jumlah Proton di jalan raya kami," katanya disambut gelak ketawa hadirin.

Beliau juga memuji Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengamalkan dasar kewangan dan fiskal yang berhati-hati serta menjadikan Malaysia pusat kewangan yang begitu terbuka.

"Jika Menteri Kewangan boleh berpindah-pindah seperti pemain bola sepak, saya boleh bayangkan sebilangan negara yang lebih besar yang akan sanggup mengeluarkan jumlah bayaran yang sangat lumayan untuk mendapatkannya," katanya. -- Lagi.

▼03/09/15-21MS\*

CNS2691

R GB 03-09 00175 BA063

aab

Thatcher - Mahathir 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika mengimbas kembali hubungannya dengan Dr Mahathir semasa mereka sama-sama menjadi Perdana Menteri, Thatcher berkata ia bermula dengan agak sukar pada awal tahun 1980-an.

"Beliau menganggap Britain bertindak tidak wajar mengenai soal yuran pelajar dan tidak melayani Malaysia sebagai sebuah negara yang sudah merdeka sepenuhnya -- dan beliau mungkin betul ketika itu.

"Malaysia lalu mengadakan kempen Beli Barangan British Sebagai Pilihan Terakhir, dan selain itu Dr Mahathir juga tidak begitu ghairah terhadap Komanwel," katanya.

Thatcher berkata mereka telah bersama-sama mengatasi masalah itu dan menjalin hubungan persahabatan yang kukuh dan memulakan satu era baru kerjasama serta perkongsian yang sama rata antara Malaysia dan Britain, membuka jalan kepada perkembangan perdagangan dan perkhidmatan udara yang lebih besar.

"Dan dekad itu berakhir dengan Dr Mahathir mempengerusikan dan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel yang paling baik pernah dianjurkan dan dihadiri oleh saya -- mesyuarat di Kuala Lumpur pada 1989," katanya. -- Bernama.

AU AZG RON NMO.